

**Usaha Sama Pelbagai Pihak Bantu Kurangkan Golongan Miskin Di Negara Ini, Kata Muhyiddin Bernama
24 Ogos, 2011**

SHAH ALAM, 24 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata usaha sama kerajaan dan pelbagai pihak termasuk badan korporat telah mampu mengurangkan golongan orang miskin di negara ini.

Jika dibandingkan dengan lebih satu bilion rakyat di dunia yang masih hidup dalam keadaan miskin, di Malaysia jumlah rakyat miskin telah berjaya dikurangkan terutama pada tahun lepas, katanya.

Beliau berkata Persidangan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) baru-baru ini telah menetapkan sasaran sifar miskin menjelang 2015 dan ini telah menimbulkan kebimbangan di kalangan negara membangun yang menyifatkannya sebagai terlalu tinggi.

"Bagaimanapun, kita bersyukur kerana di negara ini tidak ada golongan yang terlepas pandang. Ini kerana dalam keadaan negara yang aman dan tenteram, kita dapat menumpukan usaha memajukan negara," katanya pada majlis berbuka puasa bersama anak yatim anjuran syarikat pemaju hartanah Kumpulan Glomac, di sini, Selasa malam.

Beliau berkata malah setiap hari sepanjang bulan Ramadan tahun ini, majlis berbuka puasa bagi meraikan anak yatim dan menyampaikan bantuan kepada golongan miskin telah diadakan oleh umat Islam.

"Ia satu manifestasi keupayaan umat Islam di Malaysia bukan saja dapat menunaikan fardu ain, tetapi melangsungkan fardu kifayah. Kita berasa bertanggungjawab untuk membimbing anggota masyarakat yang memerlukan bantuan supaya mereka dapat hidup seperti kita," katanya.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan pakaian kepada 30 anak yatim yang berumur antara enam hingga 12 tahun dari Rumah Aman.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=610016>